

**ELEMEN KESEJAHTERAAN KELUARGA ISLAM DALAM MENANGANI
PENDERAAN SEKSUAL KANAK-KANAK
ELEMENTS OF THE ISLAMIC FAMILY WELLBEING IN DEALING WITH
CHILDREN SEXUAL ABUSE**Nabilah Huda Zaim^{1*}, Norsaleha Mohd Salleh², Zuliza Mohd Kusrin³¹ Calon PhD Islamiyyat, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS), nabilahhudaz@gmail.com.² Pensyarah Kanan, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS), norsaleha@kuis.edu.my.³ Profesor Madya, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), zuli@ukm.edu.my

* Penulis Penghubung

Artikel diterima: 7 Okt. 2020

| Selepas Pembedaan: 14 Okt. 2020

| Diterima untuk terbit: 23 Nov. 2020

Abstrak

Kesejahteraan keluarga merupakan asas kepada kesejahteraan masyarakat seterusnya pembangunan negara. Walau bagaimanapun, kepincangan dalam institusi keluarga pada masa kini terutamanya dalam kes penderaan seksual kanak-kanak serta sumbang mahram dalam kalangan ahli keluarga amat membimbangkan. Justeru, kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti elemen kesejahteraan keluarga Islam dalam menangani penderaan seksual kanak-kanak di rumah. Metodologi kajian ini menggunakan pendekatan Nominal Group Technic (NGT) dalam menentukan senarai elemen kesejahteraan keluarga Islam bagi mencegah penderaan seksual di dalam rumah. Pendekatan NGT merupakan satu kaedah penyelidikan untuk mendapatkan kesepakatan pakar bagi mengenalpasti penerimaan atau penolakan sesuatu elemen. 10 orang pakar daripada pelbagai bidang kekeluargaan dan kanak-kanak telah dipilih untuk memberikan sumbangsaran termasuklah mereka yang berpengalaman dalam mengendalikan kes-kes penderaan seksual kanak-kanak. Dapatan kajian menunjukkan terdapat 23 elemen telah diterima sebagai indikator keluarga sejahtera bagi menangani gejala penderaan seksual ini. Kajian juga mendapati pengamalan nilai-nilai moral oleh ahli keluarga, ibu bapa mempunyai hubungan yang baik antara satu sama lain serta ibu bapa menjadi contoh yang baik kepada anak-anak merupakan tiga elemen tertinggi yang sewajarnya diamalkan oleh setiap keluarga. Kajian ini diharapkan dapat menyumbang kepada pencegahan penderaan seksual kanak-kanak dalam kalangan keluarga Islam seterusnya membentuk masyarakat yang sejahtera.

Kata kunci

Elemen, Kesejahteraan keluarga, Penderaan Seksual, Kanak-Kanak, Teknik Kumpulan Nominal (NGT)

Abstract

The well-being of a family institution is an important element in a developing country. However, the lack of family institution today especially in the case of child sexual abuse and incest among family members is alarming. Therefore, this study aimed to identify elements of family well-being in addressing child sexual abuse. The methodology of this study uses the Nominal Group Technic (NGT) approach in developing a list of prosperous family elements to prevent sexual abuse at home. The NGT approach is a method of research for expert consensus to determine the acceptability or rejection of an element. 10 experts from various fields of family were selected to provide input, including those with experience in dealing with child sexual abuse cases. The

findings show that there are 26 elements that have been accepted as elements of a successful family to deal with the symptoms of sexual abuse. The study also found that the practice of moral values by family members, parents having good relationships with each other and parents being good examples to children is the highest elements that every family should practice. The study is expected to contribute to strong Muslim families without childrens sexual abuse towards creating a best community.

Keywords

Elements, Family Well-being, Sexual Abuse, Chldren, Nominal Group Technic (NGT)

1.0 Pengenalan

Secara fitrahnya, setiap insan di dunia mengimpikan keluarga yang bahagia, selamat dan sejahtera. Keluarga yang sejahtera mampu memberikan ketenangan hati kepada individu-individu yang menjadi asas kepada struktur sesebuah keluarga. Hal ini seiring dengan tujuan mendirikan rumahtangga di dalam Islam untuk mengecapi ketenteraman, kasih sayang dan rahmat di dalam sesebuah keluarga. Keluarga sejahtera membawa maksud sesuatu keadaan keluarga dalam sesebuah negara yang berada dalam keadaan selamat, sihat, aman, selesa, harmoni dan memuaskan menurut definisi yang dikemukakan oleh Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN). Perbincangan berkaitan elemen keluarga sejahtera, bahagia serta berkualiti menurut Islam telah banyak dibincangkan oleh pengkaji lalu sebagaimana kajian Zahidah & Raihanah (2011), Adawiyah Ismail (2011), Noraini (2014), Abdul Wahab (2017) dan Wan Mohd Yusof (2018). Namun perbincangan ini dilihat menyentuh secara umum elemen-elemen yang perlu ada dalam sesebuah keluarga bagi mencapai kesejahteraan dan kebahagiaan dalam berumahtangga.

Justeru, kajian ini adalah lanjutan perbincangan secara khusus bagi menangani penderaan seksual kanak-kanak yang berlaku di dalam rumah. Hal ini dilihat sebagai satu inisatif yang penting dan serius untuk dibincangkan memandangkan terdapat peningkatan kes penderaan seksual kanak-kanak terutamanya kanak-kanak perempuan yang dilaporkan di media massa saban hari. Menurut Norsaleha et. al (2018), kes gangguan seksual merupakan kes paling kritikal yang perlu diambil perhatian sewajarnya. Kenyataan ini turut dibuktikan menerusi laporan yang dikemukakan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) yang menunjukkan statistik kes penderaan seksual terutamanya terhadap golongan kanak-kanak perempuan meningkat dari tahun ke tahun. Laporan statistik tersebut boleh dilihat sebagaimana dalam Jadual 1 di bawah:

Jadual 1 : Statistik penderaan seksual kanak-kanak di Malaysia (2013-2018)

<i>Tahun</i>	<i>2013</i>	<i>2014</i>	<i>2015</i>	<i>2016</i>	<i>2017</i>	<i>2018</i>
<i>Jumlah Kes</i>	1093	984	978	1034	1397	1705

Sumber : Jabatan Kebajikan Masyarakat

Statistik ini disusun daripada peruntukan-peruntukan Bahagian V, Akta Kanak-Kanak 2001 di bawah Seksyen 17, iaitu Kanak-Kanak yang memerlukan Pemeliharaan dan

Perlindungan. Jumlah di dalam laporan tersebut adalah merupakan hasil gabungan statistik penderaan seksual dari Seksyen 17(1)(a) iii dan 17(1)(b) iii. Statistik menunjukkan terdapat sebanyak 1093 kes penderaan seksual direkodkan pada tahun 2013, diikuti 984 kes pada tahun 2014 serta 978 kes pada tahun 2015. Namun begitu, jumlah penderaan seksual meningkat secara mendadak pada tahun 2016 kepada 1038 kes, 1397 kes pada tahun 2017 dan 1705 kes pada tahun 2018. Jika dipuratakan jumlah tersebut, boleh dikatakan seramai 4 ke 5 orang kanak-kanak diganggu dan didera secara seksual setiap hari pada tahun 2018. Berdasarkan statistik tersebut juga, dilaporkan golongan kanak-kanak perempuan lebih banyak mengalami penderaan seksual berbanding kanak-kanak lelaki. Walau siapa pun mangsanya, penderaan seksual terhadap kanak-kanak merupakan satu jenayah yang berat menurut undang-undang. Malah, Islam turut melarang perbuatan tersebut yang boleh membawa kesan yang sangat buruk kepada kanak-kanak dan masa depannya. Hal ini turut dipersetujui oleh Muhammed Sharif & Diyana (2012) yang menyatakan penderaan seksual boleh membawa kesan yang mendalam terhadap kanak-kanak, terutamanya kepada pemikiran, emosi dan tingkah laku.

Menurut Akta Kanak-Kanak (2001), penderaan seksual dapat digambarkan apabila seseorang kanak-kanak teraniaya dari segi seks jika dia mengambil bahagian, sama ada sebagai peserta atau pemerhati, dalam apa-apa aktiviti yang berunsur seks bagi apa-apa maksud atau eksploitasi seks oleh mana-mana orang bagi memuaskan nafsu seks orang itu atau orang lain. Jenayah ini melibatkan sebarang aktiviti yang bermaksud untuk mendapat kepuasan dan memenuhi kehendak orang dewasa atau kanak-kanak remaja di mana mengikut umur atau perkembangan boleh mengambil tanggungjawab dan dipercayai. Hal ini termasuk mempengaruhi atau memaksa kanak-kanak dalam aktiviti seksual yang bertentangan dengan undang-undang seperti menyentuh bahagian sulit kanak-kanak, bersetubuh, sumbang muhrim, merogol, meliwat, mendedahkan kemaluan serta eksploitasi komersial melalui pelacuran atau penghasilan gambar lucah (Kementerian Kesihatan Malaysia, UNICEF 2010). Berdasarkan isu yang menjadi kebimbangan ini, tidak dapat tidak sebuah kerangka pencegahan penderaan seksual kanak-kanak seharusnya dibentuk dengan menjadikan peranan keluarga sebagai asasnya. Hal ini disebabkan masih kurang kajian yang dilaksanakan berkaitan topik ini. Justeru, kajian ini berusaha untuk meneroka elemen kesejahteraan keluarga khusus bagi menangani isu penderaan seksual ini.

2.0 Elemen Kesejahteraan Keluarga Islam Dalam Menangani Penderaan Seksual Kanak-Kanak

Dalam usaha mencapai kesejahteraan, terdapat lima elemen utama dikenalpasti daripada sorotan kajian-kajian lalu yang seharusnya ada dalam sesebuah keluarga iaitu penghayatan agama, hubungan kekeluargaan, kemahiran keibubapaan, penerapan pendidikan seksual kepada anak-anak serta persekitaran rumah.

Penghayatan agama merupakan aspek yang sangat penting dalam kehidupan berkeluarga. Ia bermula dengan keimanan yang mendalam terhadap Allah yang akan melahirkan ketaatan terhadap perintah Allah serta menjauhi segala laranganNya. Dengan itu, nilai-nilai yang dianjurkan dalam agama termasuklah nilai-nilai kekeluargaan akan dipraktikkan dengan hati yang ikhlas oleh setiap ahli keluarga. Begitu juga dengan ketakutan untuk melakukan maksiat akan lahir dari hati yang penuh iman dan taqwa. Hal ini selari dengan Zahidah & Raihanah (2011) yang menyatakan kekuatan iman yang berasaskan kepercayaan dan keyakinan tentang

kewujudan Allah SWT adalah syarat penting yang perlu ada dalam diri suami dan isteri. Hal ini dilihat adalah disebabkan suami dan isteri merupakan pengemudi yang akan mencorakkan sesebuah keluarga serta perlu menjadi contoh yang baik kepada anak-anak. Begitu juga dengan pandangan Husna Husain (2018) yang menyatakan tarbiyah di dalam keluarga adalah menjadi keutamaan dalam melahirkan keluarga dan masyarakat yang sejahtera. Dengan itu, ibadat solat, bacaan Al-Quran serta bekal ilmu fardu ain terhadap anak-anak perlu dibudayakan serta menjadi keutamaan di dalam keluarga. Amalan-amalan yang boleh membawa kepada penghayatan agama ini turut ditekankan oleh Zaharah (et.al 2017), Wan Mohd Yusof (et. al 2017) dan Abdul Wahab (2017). Penekanan terhadap penghayatan agama dengan sebenar-benarnya ini dilihat dapat menjadi benteng kepada pemeliharaan diri seseorang daripada melakukan perkara yang terkutuk seperti melakukan perilaku seksual terhadap mereka yang tidak sepatutnya.

Seterusnya, hubungan kekeluargaan juga merupakan elemen yang memainkan peranan penting dalam menangani penderaan seksual. Hubungan kekeluargaan ini bukan semata-mata dilihat dari sudut saling berkomunikasi baik sesama ahli keluarga tetapi juga dilihat menerusi pertalian ikatan perkahwinan yang sah di antara suami dan isteri. Hal ini turut diperakui oleh Adawiyah (2011) yang menyatakan perkahwinan yang sah dan disertai niat yang betul akan dapat membentuk keluarga yang memiliki nilai kekeluargaan mengikut Islam. Di samping itu, ibu bapa juga haruslah mempunyai hubungan yang baik di antara satu sama lain tidak kira dari aspek zahir dan batin. Hubungan ini penting dalam menjaga keharmonian dan keintiman dalam rumahtangga agar tuntutan seksual di antara suami dan isteri tidak disalurkan kepada golongan yang tidak sepatutnya. Hal ini turut diperakui oleh Kamarul Azmi, Ahmad Kilani dan Azhar (2003) yang menyatakan kegagalan isteri memenuhi keperluan suami boleh menyebabkan suami bertindak memuaskan nafsu terhadap anaknya. Selain itu juga, hubungan kekeluargaan yang melibatkan komunikasi yang baik di antara anak-anak dan ibu bapa juga merupakan elemen yang perlu ada dalam sesebuah kekeluargaan. Komunikasi yang baik ini mampu melahirkan sikap saling menghormati dan mempercayai di antara ibubapa dan anak-anak. Hal ini turut dipersetujui oleh Adawiyah (2011) yang menyatakan hormat-menghormati antara ibu bapa dan anak-anak mendatangkan banyak kebaikan seperti merendah diri, menerima dan memberi hak, dan pada masa yang sama menghakis sifat terkeji seperti ego, bangga diri dan dengki. Dalam hal ini, luahan hati dari anak-anak terutamanya yang berisiko menjadi mangsa penderaan seksual menjadi satu hak yang perlu didengari dan tidak perlu dipandang enteng.

Dalam menangani isu penderaan seksual juga, sesebuah keluarga yang dikemudikan oleh ibu dan bapa seharusnya memiliki kemahiran keibubapaan yang secukup dan secekapnya. Kemahiran ini bukan sahaja perlu ditimba ilmu pengetahuan berkaitan dengannya tetapi juga menjadi kewajipan kepada ibu bapa untuk mempraktikkan dengan sebaiknya dalam mendidik anak-anak. Hal ini turut ditekankan oleh Norsaleha et. al (2018) yang menyatakan ibu bapa perlu berusaha untuk mempelajari ilmu keibubapaan agar menjadi ibu bapa yang celik ilmu dan berpengetahuan tentang psikologi rumahtangga dan kanak-kanak. Dalam masa yang sama, ibu bapa juga perlu mempunyai kesedaran sebagai pelindung kepada anak-anak. Perlindungan dan penjagaan yang baik daripada ibu bapa merupakan tanggungjawab perwalian yang perlu ditunaikan bagi memenuhi hak asasi seorang kanak-kanak. Hal ini selari dengan kenyataan Zaynâb (2008) menerusi kitab hak asasi manusia menurut al-Quran yang

menjelaskan ibu bapa perlu memainkan peranan masing-masing menerusi pemberian nafkah dan perlindungan bagi pihak bapa, manakala penjagaan dan didikan daripada pihak ibu. Selain memastikan situasi ekonomi keluarga dalam keadaan yang stabil, sebagai pelindung mereka juga perlu peka dengan fizikal dan emosi anak-anak. Hal ini turut dinyatakan oleh Adi Fahrudin (2014) yang menjelaskan antara fungsi atau peranan ibu bapa adalah sensitif terhadap perubahan fizikal yang berlaku serta perasaan setiap anggota keluarga terutamanya anak-anak. Di samping itu, di dalam zaman serba canggih ini, ibu bapa juga harus bijak mengawal penggunaan teknologi dalam kalangan kanak-kanak. Kesedaran yang tinggi terhadap bahaya video pornografi bukan sahaja perlu ada pada setiap ibu bapa tetapi juga bermula dari diri ibu bapa itu sendiri bagi memelihara kesejahteraan di dalam keluarga.

Penerapan pendidikan seksual kepada anak-anak juga merupakan elemen yang penting untuk dititikberatkan di dalam sesebuah keluarga sejahtera dalam menangani penderaan seksual. Hal ini turut dipersetujui Siti Suhaila (et. al 2018) yang menyatakan pendidikan seks wajar diajar kepada anak-anak kerana ianya memenuhi tuntutan dalam kehidupan harian manusia. Walau pun elemen pendidikan seks telah diajar di sekolah menerusi subjek Pendidikan Islam seperti topik adab pergaulan, menjaga maruah diri, zina dosa besar serta ilmu pernikahan (Siti Suhaila et.al 2018), namun secara praktikalnya pendidikan seks ini harus dimulakan dari rumah serta diajar dari seawal usia anak-anak mula mumayyiz. Antara pendidikan seksual yang perlu dipupuk di dalam rumah adalah penjagaan batasan aurat termasuk pendedahan sentuhan selamat atau tidak selamat, adab meminta izin sebelum masuk ke bilik ibu bapa, pengasingan tempat tidur anak-anak daripada tempat tidur ibu bapa serta pembahagian bilik tidur anak-anak berdasarkan jantina (Ulwan 2015).

Dari sudut persekitaran rumah pula, di samping memastikan kesihatan keluarga pada tahap yang baik, kedudukan fizikal rumah yang selamat didiami merupakan antara elemen kesejahteraan keluarga yang mempunyai peranan tersendiri dalam mencegah penderaan seksual kanak-kanak. Hal ini turut dipersetujui oleh Zahidah & Raihanah (2011) serta Wan Mohd Yusof (et. al 2018). Malah di dalam Islam juga terdapat hadis yang menyebut antara kebahagiaan atau kesejahteraan bagi sebuah keluarga termasuklah rumah yang lapang serta jiran yang baik. Hal ini dapat dilihat menerusi *Hadīth al-Sa'ādah* daripada *Kitāb al-Nikāh, Bab Zikr al-Ikhbar 'an al-Ashyā' Allatī Hiya min Sa'ādah al-Mar'iy fī al-Dunyā* yang bermaksud:

Daripada Sa'ād bin Abī Waqqās berkata, Rasulullah s.a.w. bersabda:

أَرْبَعٌ مِنَ السَّعَادَةِ : الْمَرْأَةُ الصَّالِحَةُ ، وَالْمَسْكَنُ الْوَاسِعُ ، وَالْجَارُ الصَّالِحُ ، وَالْمَرْكَبُ الْهَيِّئُ ، وَأَرْبَعٌ مِنَ الشَّقَاوَةِ :
الْجَارُ السُّوءُ ، وَالْمَرْأَةُ السُّوءُ ، وَالْمَسْكَنُ الضَّيْقُ ، وَالْمَرْكَبُ السُّوءُ



Maksudnya : “Empat perkara yang membahagiakan ialah wanita yang solehah, kediaman yang lapang, jiran yang soleh dan kenderaan yang selesa. Manakala empat perkara yang menyeksakan ialah jiran yang buruk (perangainya), wanita yang buruk (perangainya), kediaman yang sempit dan tunggangan yang buruk”




Ibn Hibbān, No. 4032

Berdasarkan hadis tersebut, dapat disimpulkan persekitaran jiran yang baik serta kediaman yang lapang adalah termasuk perkara yang mampu menyumbang kepada kesejahteraan keluarga. Jika diperhalusi dengan lebih mendalam lagi, di samping persekitaran rumah yang sihat dan selamat, antara ciri-ciri rumah yang baik adalah mempunyai jumlah bilik yang sesuai dengan jumlah isi rumah. Malah setiap rumah wajar didiami oleh keluarga asas sahaja. Hal ini turut diakui oleh Noraini (2014) yang menyatakan rumah dan suasana persekitarannya merupakan elemen penting dalam membentuk keluarga yang sejahtera. Rumah secara fizikalnya bukan sahaja berperanan memberikan ketenangan malah juga memberi perlindungan keselamatan kepada setiap ahli keluarga, tidak kira kecil atau besar selagi mampu diurus dengan baik. Hal ini selari dengan Norsaleha (et. al 2018) yang mempersoalkan penilaian semula terhadap pemilihan bentuk rumah dan kediaman yang seharusnya berperanan untuk memberi ketenangan dan rasa selamat kepada penghuni rumah tanpa wujudnya perasaan takut terhadap gangguan yang mungkin berlaku seperti gangguan fizikal, seksual mahupun emosi.

Justeru, dapat disimpulkan dalam menangani isu penderaan seksual kanak-kanak yang berlaku di rumah, tidak dapat tidak perlunya kelima-lima elemen ini iaitu penghayatan agama, hubungan kekeluargaan, kemahiran keibubapaan, persekitaran rumah serta penerapan pendidikan seksual kepada anak-anak menjadi dasar amalan dalam sesebuah keluarga. Hal ini adalah disebabkan walaupun sesebuah keluarga berada dalam suasana yang baik pada asalnya, namun tidak dinafikan terdapat pasang surut dalam kehidupan berumah tangga. Hal ini sebagaimana turut diperakui oleh Dini et. al (2018) yang menyatakan isu-isu yang mempengaruhi pasangan dan keluarga boleh dipengaruhi oleh peralihan dan perubahan semasa dalam kehidupan. Dengan itu, kesemua elemen ini secara tidak langsung dilihat mampu mencegah gejala penderaan seksual terhadap kanak-kanak di rumah. Secara rumusannya, elemen tersebut dapat disusun dan digambarkan sebagaimana Jadual 2, di bawah;

Jadual 2 : Elemen kesejahteraan keluarga Islam dalam menangani penderaan seksual kanak-kanak

<i>Bil</i>	<i>Elemen</i>	<i>Indikator</i>
1	Penghayatan agama 	<ul style="list-style-type: none"> • Ibu bapa mempunyai kesedaran agama yang tinggi • Ibadat solat menjadi keutamaan keluarga • Bacaan al-Quran menjadi amalan dalam keluarga • Ibu bapa menitik beratkan ilmu fardu ain dalam kalangan anak-anak • Keluarga mengamalkan nilai-nilai moral • Ibu bapa mempunyai ikatan perkahwinan yang sah
2	Hubungan kekeluargaan 	<ul style="list-style-type: none"> • Ibu bapa mempunyai hubungan yang baik (zahir dan batin) antara satu sama lain • Anak-anak mempunyai komunikasi yang baik dengan ibu bapa

3	Kemahiran keibubapaan		<ul style="list-style-type: none"> • Ibu bapa mempraktiskan kemahiran keibubapaan dalam pendidikan anak-anak • Ibu bapa menjadi contoh yang baik kepada anak-anak • Ibu bapa peka dengan fizikal dan emosi anak-anak • Situasi ekonomi keluarga stabil • Ibu bapa mempunyai kesedaran sebagai pelindung kepada anak-anak • Ibu bapa mengawal penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi • Ibu bapa mempunyai tahap kesedaran tinggi terhadap bahaya video pornografi
4	Penerapan pendidikan seksual kepada anak-anak		<ul style="list-style-type: none"> • Anak-anak dibekalkan ilmu pendidikan seksual semenjak kecil • Anak-anak diajar tentang pendidikan aurat semenjak kecil • Anak-anak mengetahui adab minta izin memasuki bilik ibu bapa • Pembahagian bilik tidur anak-anak berdasarkan jantina • Anak-anak yang mumayyiz tidur berasingan dengan ibu bapa
5	Persekitaran rumah		<ul style="list-style-type: none"> • Kesihatan keluarga berada pada tahap yang baik • Kedudukan fizikal rumah yang selamat didiami • Jumlah bilik yang sesuai dengan jumlah isi rumah • Setiap rumah didiami oleh keluarga asas sahaja • Mempunyai hubungan yang baik bersama kejiranan • Persekitaran rumah yang selamat

3.0 Metodologi

Metodologi kajian ini menggunakan kaedah Nominal Group Technic (NGT), iaitu suatu kaedah untuk mencapai kata sepakat dalam satu perbincangan kumpulan kecil secara berstruktur dan bersemuka (Van de Den & Delbecq 1971). Dalam konteks kajian ini, seramai 10 orang pakar telah dipilih untuk melalui proses NGT. Hal ini bersesuaian dengan kajian NGT yang dilakukan oleh pengkaji lalu yang menyatakan saiz sampel pakar yang sesuai di dalam NGT adalah sebanyak 6-12 peserta (Harvey & Holmes 2012), 7-10 peserta (Abdullah & Islam 2011), dan 7-14 peserta (Habibah 2016). Pemilihan pakar di dalam kajian ini melibatkan mereka yang berpengetahuan luas dan berpengalaman dalam tempoh yang lama dalam bidang kekeluargaan serta pengendalian kes penderaan seksual kanak-kanak. Hal ini turut dipersetujui oleh

pengkaji lalu yang menjelaskan terdapat empat kriteria pakar iaitu (1) individu yang mempunyai pengetahuan dan pengalaman yang luas, serta mempunyai latar belakang dalam bidang berkaitan dengan kajian ; (2) mempunyai kesesuaian masa dan rela untuk mengambil bahagian ; (3) mempunyai kebolehan komunikasi yang baik ; serta (4) mempunyai pengalaman melebihi 5 tahun (Siti Farhah dan Saedah 2015).

Terdapat dua proses utama yang telah dijalankan dalam NGT iaitu fasa perbincangan kumpulan dan fasa pengundian oleh peserta pakar yang dipilih terhadap indikator keluarga sejahtera Islam yang diperolehi dari sorotan literatur. Indikator-indikator ini disenaraikan untuk dibincangkan terlebih dahulu kemudian diundi oleh peserta pakar bagi mengenalpasti setiap indikator tersebut diterima atau ditolak. Pada fasa perbincangan kumpulan, senarai indikator pada Jadual 2 menjadi asas untuk dibentangkan kepada pakar bagi mendapatkan pandangan, menjelaskan idea, struktur ayat serta membuat keputusan samada mengekalkan atau menolak elemen yang tidak relevan dengan konteks kajian. Sebanyak 26 elemen kesejahteraan keluarga bagi menangani penderaan seksual telah diterima pada fasa ini. Seterusnya, pada fasa pengundian, borang soal selidik yang mengandungi 26 elemen yang telah dibincangkan tersebut perlu diundi secara senyap oleh setiap panel pakar. Pengundian dalam borang soal selidik melibatkan skala 1 hingga 7 yang perlu dipilih iaitu skala 1= Teramat Tidak Setuju ; 2 = Sangat Tidak Setuju, 3 = Tidak Setuju ; 4 = Kurang setuju ; 5 = setuju ; 6 = Sangat Setuju ; 7 = Teramat Setuju. Pengundian ini adalah bertujuan untuk menerima dan menolak elemen yang telah dicadangkan hasil perbincangan yang telah diperdebatkan dalam kumpulan ini. Pada akhir pertemuan sesi NGT, satu konsensus dicapai oleh kumpulan pakar dalam menentukan elemen kesejahteraan keluarga bagi menangani penderaan seksual kanak-kanak.

4.0 Dapatan Kajian

Berdasarkan pengundian yang diterima oleh 10 orang pakar tersebut, data dan maklumat yang diperolehi dianalisis menerusi nilai skor undian kesemua pakar kajian yang akan ditukarkan kepada bentuk peratusan. Hal ini bagi menginterpretasikan data sama ada setiap elemen yang dinilai sesuai dan boleh digunakan ataupun sebaliknya. Nilai peratusan ini akan dibandingkan dengan penilaian kebolehgunaan yang telah ditetapkan syarat dalam NGT iaitu skor kumpulan mestilah sama atau melebihi 70%. Syarat ini disandarkan kepada Deslandes (et. al 2010) dan Dobbie et. al (2004) yang menyatakan sesuatu elemen hanya akan diterima sekiranya jumlah peratusan skor yang diberikan oleh pakar kajian adalah sama atau melebihi 70% di dalam NGT.

Setelah proses NGT berjalan lancar mengikut prosedurnya, satu kesepakatan pakar telah dicapai dimana pakar bersepakat menerima 23 elemen daripada 26 elemen kesejahteraan keluarga yang telah dicadangkan pada peringkat awal. 3 elemen ditolak kerana mempunyai skor yang rendah iaitu kurang daripada 70% sebagaimana mengikut prosedur NGT. Hal ini dapat digambarkan sebagaimana dalam Jadual 3 di bawah;

Jadual 3 : Elemen kesejahteraan keluarga bagi menangani penderaan seksual kanak-kanak

BIL	INDIKATOR	P 1	P 2	P 3	P 4	P 5	P 6	P 7	P 8	P 9	P10	JUMLA H SKOR	PERAT US (%)	STATUS PENILAI AN	KEUTAMA AN ITEM
-----	-----------	-----	-----	-----	-----	-----	-----	-----	-----	-----	-----	--------------	--------------	-------------------	-----------------

1	Ibu bapa mempunyai ikatan perkahwinan yang sah	7	7	7	7	6	6	7	7	6	7	67	95.7	Terima	4
2	Ibu bapa mempunyai hubungan yang baik (zahir dan batin) antara satu sama lain	7	7	7	7	7	7	7	7	6	7	69	98.5	Terima	2
3	Anak-anak mempunyai komunikasi yang baik dengan ibu bapa	7	7	7	6	7	6	7	7	6	6	66	94.2	Terima	5
4	Ibu bapa mempunyai kemahiran keibubapaan dalam pendidikan anak-anak	7	7	7	7	6	6	7	7	6	6	66	94.2	Terima	5
5	Ibu bapa menjadi contoh yang baik kepada anak-anak	7	7	7	7	7	7	7	7	6	7	69	98.5	Terima	2
6	Ibu bapa peka dengan fizikal dan emosi anak-anak	7	7	7	7	5	7	6	7	7	6	66	94.2	Terima	5
7	Situasi ekonomi keluarga stabil	7	7	7	7	5	5	7	6	5	5	61	87.1	Terima	9
8	Kesihatan keluarga berada pada tahap yang baik	7	7	7	7	4	6	7	6	5	6	62	88.5	Terima	8
9	Kedudukan fizikal rumah yang selamat didiami	7	7	7	7	6	6	7	6	6	6	65	92.8	Terima	6
10	Jumlah bilik yang sesuai dengan jumlah isi rumah	7	7	7	7	5	6	7	7	7	6	66	94.2	Terima	5
11	Setiap rumah didiami oleh keluarga asas sahaja	7	5	5	6	4	4	7	6	5	5	54	77.1	Terima	10
12	Mempunyai hubungan yang baik bersama kejrangan	7	7	7	7	4	5	7	6	6	6	62	88.5	Terima	8
13	Ibu bapa mengamalkan ajaran agama masing-masing	7	7	7	7	7	6	7	7	5	6	66	94.2	Terima	5
14	Ibu bapa mempunyai kesedaran dan bertindak sebagai pelindung kepada anak-anak	7	7	7	7	7	6	7	7	6	7	68	97.1	Terima	3
15	Ibadat solat menjadi keutamaan keluarga	7	1	7	7	5	1	7	1	1	1	38	54.2	Tolak	x

16	Bacaan al-Quran menjadi amalan dalam keluarga	7	1	7	7	4	1	1	1	1	1	31	44.2	Tolak	x
17	Ibu bapa menitik beratkan ilmu fardu ain dalam kalangan anak-anak	7	1	7	7	4	1	1	1	1	1	31	44.2	Tolak	x
18	Anak-anak dibekalkan ilmu pendidikan seksual semenjak kecil	7	7	6	6	6	7	7	7	6	7	66	94.2	Terima	5
19	Anak-anak diajar tentang pendidikan aurat semenjak kecil	7	7	7	7	6	7	7	7	5	7	67	95.7	Terima	4
20	Anak-anak mengetahui adab minta izin memasuki bilik ibu bapa	7	7	7	7	5	7	7	7	5	7	66	94.2	Terima	5
21	Pembahagian bilik tidur anak-anak berdasarkan jantina	7	7	7	7	6	7	7	7	7	7	69	98.5	Terima	2
22	Anak-anak yang mumayyiz tidur berasingan dengan ibu bapa	7	7	7	7	4	7	7	7	7	4	64	91.4	Terima	7
23	Ibu bapa mempunyai tahap kesedaran tinggi terhadap bahaya video pornografi	7	7	7	7	6	6	7	7	7	7	68	97.1	Terima	3
24	Keluarga mengamalkan nilai-nilai moral	7	7	7	7	7	7	7	7	7	7	70	100	Terima	1
25	Ibu bapa mengawal penggunaan teknologi maklumat/komunikasi	7	7	7	7	7	3	7	7	7	7	66	94.2	Terima	5
26	Persekitaran rumah yang selamat	7	7	7	7	7	4	7	7	7	7	67	95.7	Terima	4

Jadual 3 menunjukkan dapatan kajian setelah melalui proses pengiraan jumlah skor dan peratusan bagi setiap elemen. Hasil daripada pengundian yang dibuat dan dapatan yang diperolehi berdasarkan Jadual 3, setiap elemen disusun mengikut urutan keutamaannya. Elemen yang mempunyai nilai yang sama, disusun setaraf dengan kumpulan senilainya. Secara ringkasnya, senarai elemen kesejahteraan keluarga bagi menangani penderaan seksual mengikut susunan keutamaan yang telah disepakati dan diterima oleh kumpulan pakar adalah seperti berikut;.

- 1- Keluarga mengamalkan nilai-nilai moral
- 2- Ibu bapa mempunyai hubungan yang baik (zahir dan batin) antara satu sama lain

- 3- Ibu bapa menjadi contoh yang baik kepada anak-anak
- 4- Pembahagian bilik tidur anak-anak berdasarkan jantina
- 5- Ibu bapa mempunyai kesedaran dan bertindak sebagai pelindung kepada anak-anak
- 6- Ibu bapa mempunyai tahap kesedaran tinggi terhadap bahaya video pornografi
- 7- Ibu bapa mempunyai ikatan perkahwinan yang sah
- 8- Anak-anak diajar tentang pendidikan aurat semenjak kecil
- 9- Persekitaran rumah yang selamat
- 10- Anak-anak mempunyai komunikasi yang baik dengan ibu bapa
- 11- Ibu bapa mempunyai kemahiran keibubapaan dalam pendidikan anak-anak
- 12- Ibu bapa peka dengan fizikal dan emosi anak-anak
- 13- Jumlah bilik yang sesuai dengan jumlah isi rumah
- 14- Ibu bapa mengamalkan ajaran agama masing-masing
- 15- Anak-anak dibekalkan ilmu pendidikan seksual semenjak kecil
- 16- Anak-anak mengetahui adab minta izin memasuki bilik ibu bapa
- 17- Ibu bapa mengawal penggunaan teknologi maklumat/komunikasi
- 18- Kedudukan fizikal rumah yang selamat didiami
- 19- Anak-anak tidur berasingan dengan ibu bapa
- 20- Kesihatan keluarga berada pada tahap yang baik
- 21- Mempunyai hubungan yang baik bersama kejiranan
- 22- Situasi ekonomi keluarga stabil
- 23- Setiap rumah didiami oleh keluarga asas sahaja

Secara keseluruhannya, berdasarkan kajian penentuan elemen yang dijalankan bersama pakar menerusi Teknik Kaedah Nominal (NGT) ini, terdapat 23 elemen kesejahteraan keluarga yang telah dikenalpasti dapat mencegah penderaan seksual kanak-kanak dalam kalangan ahli keluarga pada fasa pengundian. Manakala 3 elemen lagi telah ditolak kerana tidak menepati peratusan penerimaan elemen iaitu sebanyak 70%. Faktor-faktor penerimaan dan penolakan serta kedudukan susunan keutamaan ini dibincangkan dalam bahagian yang selanjutnya.

5.0 Perbincangan

Merujuk kepada dapatan kajian ini, elemen kesejahteraan keluarga Islam yang paling disepakati oleh pakar adalah pengamalan nilai-nilai moral dalam keluarga diikuti ibu bapa mempunyai hubungan yang baik (zahir dan batin) antara satu sama lain serta ibu bapa menjadi contoh yang baik kepada anak-anak. Tiga elemen ini dilihat penting dalam pembentukan kesejahteraan keluarga yang dapat mencegah daripada berlakunya permasalahan seperti penderaan seksual. Hal ini dilihat turut bertepatan dengan kajian-kajian lalu seperti kajian Naemah (2015) dan Adawiyah (2011) yang membincangkan tentang amalan keluarga berkualiti dan pendidikan terhadap anak-anak yang seharusnya dilaksanakan di dalam rumah. Malah hubungan erat ibu bapa dalam bekerjasama mendidik akhlak dan moral dalam keluarga serta menjadi teladan yang baik kepada anak-anak turut ditegaskan oleh Ahmad Rifa'i (2019).

Seterusnya, elemen yang dilihat mempunyai kesepakatan yang tinggi dalam kalangan pakar adalah pembahagian bilik tidur berdasarkan jantina, ibu bapa mempunyai kesedaran dan bertindak sebagai pelindung kepada anak-anak, ibu bapa mempunyai tahap kesedaran tinggi terhadap bahaya video pornografi, ibu bapa mempunyai ikatan perkahwinan yang sah, anak-anak diajar tentang pendidikan aurat semenjak kecil serta persekitaran rumah yang selamat menggambarkan pentingnya peranan ibu bapa

dalam menggalas tanggungjawab perwalian bagi memastikan suasana rumah dalam keadaan sejahtera sentiasa dan tidak terdedah kepada ancaman bahaya. Suasana aman di dalam rumah ini turut mengukuhkan pandangan daripada kajian-kajian lalu yang menyatakan bilangan bilik yang sesuai dan persekitaran dalaman dan luaran rumah yang terjamin selamat dapat menyumbang kepada kesejahteraan keluarga (Wan Mohd Yusuf et. al 2018, Noraini 2012, Zahidah & Raihanah 2011). Dari sudut peranan ibu bapa sebagai pelindung dan penghindar segala aspek rangsangan termasuk ransangan pornografi di dalam rumah, elemen ini merupakan satu amanah yang harus dipikul dengan penuh kesedaran sebagai kewajipan di dalam rumahtangga. Hal ini sebagaimana yang dinyatakan oleh Zahidah & Raihanah (2011) yang menegaskan hak terhadap anak-anak seperti nafkah termasuklah bimbingan, asuhan dan didikan agama serta penjagaan kehormatan merupakan amanah yang perlu dilaksanakan dengan baik oleh ibu bapa.

Bagi elemen kesejahteraan keluarga dalam usaha menangani penderaan seksual yang mendapat skor sederhana dari panel pakar pula adalah seperti anak-anak mempunyai komunikasi yang baik dengan ibu bapa, ibu bapa mempunyai kemahiran keibubapaan dalam pendidikan anak-anak, ibu bapa peka dengan fizikal dan emosi anak-anak, jumlah bilik yang sesuai dengan jumlah isi rumah, ibu bapa mengamalkan ajaran agama masing-masing, anak-anak dibekalkan ilmu pendidikan seksual semenjak kecil, anak-anak mengetahui adab minta izin memasuki bilik ibu bapa serta ibu bapa mengawal penggunaan teknologi maklumat/komunikasi menunjukkan hubungan kekeluargaan tidak kurang penting dalam menyantuni anak-anak termasuklah dalam usaha menerapkan pendidikan seksual kepada anak-anak. Ia juga merupakan kemahiran yang perlu dipelajari dan dipraktikkan oleh ibu bapa pada masa ini sebagaimana yang telah diseru oleh Ulwan (2015) yang turut memuatkan pendidikan seksual dalam perbincangan tanggungjawab mendidik anak-anak. Malah, hubungan yang baik dalam kalangan ahli keluarga serta kemahiran keibubapaan juga turut ditekankan oleh Zulkifli (2018) yang menyebut bahawa hubungan interaksi antara keluarga serta pembudayaan ilmu kemahiran keibubapaan merupakan antara aspek kesejahteraan keluarga yang perlu diberi perhatian dalam usaha meghindari pencegahan penderaan seksual berlaku di dalam rumah.

Elemen seperti kedudukan fizikal rumah yang selamat didiami, anak-anak tidur berasingan dengan ibu bapa, kesihatan keluarga berada pada tahap yang baik, mempunyai hubungan yang baik bersama kejiranan, situasi ekonomi keluarga stabil serta setiap rumah didiami oleh keluarga asas sahaja pula dilihat kurang mempunyai signifikan terhadap pencegahan penderaan seksual kanak-kanak dalam kalangan keluarga berdasarkan skor rendah yang telah diberikan oleh panel pakar. Adapun, tiga elemen yang tidak mencapai syarat skor dalam penerimaan elemen iaitu ibadat solat menjadi keutamaan keluarga, bacaan al-Quran menjadi amalan dalam keluarga serta ibu bapa menitik beratkan ilmu fardu ain dalam kalangan anak-anak adalah bukan disebabkan tidak penting tetapi dicadangkan oleh para pakar untuk dikhususkan kepada umat Islam dan kerana telah termasuk dalam skop elemen pengamalan ajaran agama masing-masing serta nilai-nilai moral dalam keluarga. Elemen yang berbentuk umum ini adalah disebabkan kerangka kesejahteraan keluarga bagi mencegah penderaan seksual kanak-kanak turut dicadangkan oleh pakar untuk digunapakai oleh semua masyarakat tanpa mengira agama dan bangsa memandangkan Malaysia merupakan negara majmuk. Hal ini dilihat berselarian dengan matlamat di dalam Islam

itu sendiri adalah demi mencapai kemaslahatan serta menjauhi kemudaratan untuk semua manusia sebagaimana yang disebut oleh Jasser Auda (2014).

Pun begitu, jika dikhususkan ketiga-tiga elemen tersebut kepada keluarga yang beriman, pengamalan ibadat solat, bacaan al-Quran serta imu fardu ain perlu menjadi keutamaan untuk dititikberatkan di dalam keluarga. Hal ini telah banyak ditegaskan dalam perbincangan kajian-kajian lalu yang menyatakan penghayatan rohani serta pembudayaan ibadah merupakan antara penyumbang besar kepada kesejahteraan keluarga di dalam Islam serta dilihat dapat mencegah daripada berlakunya kepincangan keluarga seperti penderaan seksual (Wan Mohd Yusoff et. al 2018, Abdul Wahab 2017, Noraini 2012, Zahidah & Raihanah 2011 dan Adawiyah 2011).

Berdasarkan elemen-elemen yang disepakati oleh panel pakar, dapat dirumuskan dalam mencapai kesejahteraan keluarga dalam usaha menangani penderaan seksual terhadap kanak-kanak di dalam rumah, ibu bapa memainkan peranan yang besar dalam memastikan elemen-elemen tersebut dapat diamalkan dengan baik dan berkesan. Kerjasama daripada setiap ahli keluarga juga terhadap kepatuhan pengamalan elemen-elemen yang dianjurkan turut dapat membantu ke arah mencapai kesejahteraan keluarga yang diidam-idamkan.

6.0 Kesimpulan

Secara keseluruhannya, setiap keluarga perlu menanamkan nilai-nilai moral dalam diri setiap anggota keluarganya. Di samping hubungan kekeluargaan yang erat di antara suami isteri dan ahli keluarga, ibu bapa juga perlu berusaha untuk mempelajari ilmu keibubapaan bagi menjadi ibu bapa yang celik ilmu dan berpengetahuan tentang psikologi rumahtangga dan kanak-kanak. Kursus-kursus kekeluargaan dan keibubapaan yang dianjurkan oleh badan kerajaan, badan agama mahupun NGO perlu digarap sebaiknya dalam meningkatkan ilmu dan kemahiran mengurus anak-anak dan rumahtangga. Begitu juga pemerksaan kerohanian dan amalan-amalan keagamaan turut perlu diambil perhatian oleh setiap ibu bapa. Ibu bapa yang mempunyai matlamat yang jelas dalam membina rumahtangga serta menghayati ilmu-ilmu agama pasti dapat mengawal dirinya daripada melakukan perkara yang bertentangan dengan akhlak yang dianjurkan agama. Penerapan pendidikan seksual kepada kanak-kanak sejak kecil juga dilihat mampu menjadi benteng pertahanan anak-anak jika berlaku kes-kes yang tidak diingini di samping memastikan persekitaran rumah sentiasa dalam keadaan yang baik.

Rumusannya, kajian menunjukkan elemen kesejahteraan keluarga ini diperlukan untuk diamalkan secara berterusan bagi mengekalkan keharmonian hidup berkeluarga tanpa wujudnya kepincangan seperti gejala penderaan seksual serta gejala-gejala lainnya. Hal ini memerlukan kerjasama dan kesepaduan yang kuat di antara setiap ahli keluarga. Dalam usaha untuk mengekang penderaan seksual di rumah, kerangka ini dilihat dapat dijadikan panduan kepada pembangunan model pencegahan penderaan seksual kanak-kanak berasaskan kesejahteraan keluarga. Dengan itu, masyarakat penyayang, penduduk berkualiti dan bangsa Malaysia yang progresif dapat dilahirkan selari dengan visi yang digariskan oleh Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN), sebagai suatu hasrat murni kerajaan Malaysia.

Rujukan

- Abdullah, M. M., & Islam, R. (2011). Nominal Group Technique and its Applications in Managing Quality in Higher Education. Pak. *Journal of Commercial & Social Sciences*. Vol. 5 (1), Pg. 81-99.
- Abdul Wahab Md. Ali. (2017). Pembinaan Indikator Kesejahteraan Keluarga Menurut Islam. *Tesis PhD*. Terengganu : Unisza
- Adawiyah Ismail. (2011). Konsep Keluarga Berkualiti Menurut Islam dlm. *Jurnal al-Hikmah* Vol. 3 2011: 121 - 144
- Adi Fahrudin & Mohd Dahlan Hj. A. Malek. (2014). Kefungsian Keluarga: Konsep dan Indikator Pengukuran dalam Penyelidikan dlm. *Seminar Kebangsaan Integriti Keluarga 2014*
- Ahmad Rifa'i. (2019). Pendidikan Akhlak Dalam Keluarga dlm. *Al-Madrasah:Jurnal Ilmiah Pendidikan Madrasah Ibtidaiyah*, Vol. 3, No. 2, 235-257.
- Akta Kanak-Kanak (2001).
- Dang, V.H. (2015). The Use Of Nominal Group Technique : Case Study In Vietnam. *World Journal of Education*, 5(4), 14 – 25
- Deslandes, S.F., Corina Helena Figueira Mendes, C.H.F., Pires, T.O., & Campos, D.S. (2010). Use of the Nominal Group Technique and the Delphi Method to draw up evaluation indicators for strategies to deal with violence against children and adolescents in Brazil. *Rev. Bras. Saúde Matern. Infant.*,10(1), 29-37.
- Dini Farhana Baharudin, Marina Munira Abdul Mutalib, Mohd. Zaliridzal Zakaria, Suhailiza Md. Hamdani, Melati Sumari, Zuria Mahmud. (2018). Cadangan Model Integrasi Dalam Sesi Kaunseling Untuk Pasangan Beragama Islam. *Journal al-'Abqari*. Vol. 16 (Special Edition), 2018: 81-103
- Dobbie, A., Rhodes, M., Tysinger, JW. & Freeman, J. (2004). Using a Modified Nominal Group Technique as a curriculum evaluation tool. *Family Medicine* 36 (6), 402-406.
- Harvey, N. & Holmes, C.A. (2012). Nominal group technique: An effective method for obtaining group consensus. *International Journal of Nursing Practice*, 18, page 188 -19.
- Husna Husain. (2018). Pendekatan Dakwah Terhadap Ahli Keluarga Berdasarkan Kisah Nabi Ibrahim A.S. *Journal al-'Abqari*. Vol. 16 (Special Edition), 2018: 105-119.
- Jabatan Kebajikan Masyarakat. 2013-2017. Statistik Penderaan Kanak-Kanak dlm. *Laporan Tahunan Statistik JKM*.
- Jasser 'Auda. 2014. Memahami Maqasid Syariah: Peranan Maqasid dalam Pembaharuan Islam Kontemporari. PTS Publication.
- Kamarul Azmi Jasmi., Mohamed, A. K., & Muhammad, A. (2003). Jenayah Sumbang Mahram: Perkembangan dan Faktor Penyebarannya in *Wacana Pendidikan Islam Peringkat Kebangsaan* [Siri Ketiga] at Hotel Alison Klana, Seremban, Negeri Sembilan, on 16 Oktober 2003, pp 1-11.
- Kementerian Kesihatan Malaysia. *Portal MyHEALTH*. <http://www.myhealth.gov.my/>
- Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN). (2019). Akta LPPKN. <http://www.lppkn.gov.my/index.php/features/akta-lppkn> (30 Spetember 2019).

- Muhammed Sharif Mustaffa & Nur Diyana Abd Rahim. (2012). Kesan Psikologi Dan Bentuk Sokongan Anak Deraan Seksual. *Journal of Educational Psychology & Counseling*, Volume 6 June 2012, Pages 30-49
- Noraini M. Noor, Anjli Doshi Gandhi, Ismahalil Ishak & Saodah Wok. (2014). Development of Indicators for Family Well-Being in Malaysia. *Journal for Quality-of-Life Measurement*. No. 115:279-318..
- Norsaleha Mohd Salleh, Nabilah Huda Zaim, Zetty Nurzuliana Rashed, Noorhafizah Mohd Haridi, Kamal Azmi Abd Rahman dan Norbahiah Misran. (2018). Statistik Kes Penderaan Kanak-Kanak Di Malaysia: Satu Analisis. *International Journal for Studies on Children, Women, Elderly And Disabled*, Vol. 5, (Oct.):17-24
- Nur Zahidah Hj Jaapar & Raihanah Hj Azahari. (2011). Model Keluarga Bahagia Menurut Islam. *Jurnal Fiqh*, No. 8 (2011) 25-44.
- Siti Farhah A. A. & Saedah S. (2015). Pembangunan Model Objektif Kurikulum Berasaskan Taman Buah-Buahan Dan Sayur-Sayuran Berkhasiat Untuk Sekolah Rendah Orang Asli. *Jurnal Kurikulum dan Pengajaran Asia Pasifik*. Bil 3 Isu 3. 1-13
- Siti Suhaila Ihwani, Adibah Muhtar, Norhafizah Musa, Azahar Yaakub & Zetty Nurzuliana Rashed. (2018). Elemen Pendidikan Seks Dalam Pendidikan Islam. *Prosiding Seminar Antarabangsa al-Quran dalam Masyarakat Kontemporari 2018*, 15-16 September 2018.
- Ulwan, 'Abdullah Nasih. (2015). *Tarbiyat al-Awlad fi al-Islam*. Batu Caves: PTS Publishing House.
- UNICEF.2010. Penderaan Kanak-Kanak Sekilas Pandang. *Fact Sheet*. www.uniteagainstabuse.my
- Van de Ven, A., & Delbecq, A.L. (1971). Nominal versus Interacting Group Processes for Committee Decision-Making Effectiveness. *Academy of Management Journal*, 14(2), 203-212.
- Wan Mohd Yusuf Wan Chik, Abdul Wahab Md. Ali, Zulkifli Mohamad, Ahmad Faizal Ramly dan Farah Syazrah Mohd Ghazalli. (2017). Pembinaan Keluarga Sejahtera: Analisis Terhadap Prinsip 'Keluarga Bahagia Rakyat Sejahtera' Dalam Transformasi Terengganu Baharu. *Journal of Nusantara Studies 2017*, Vol 2(2) 306-318.
- Wan Mohd Yusuf Wan Chik, Abdul Wahab Md. Ali, Ahmad Jazlan Jusoh, Abdullah Alqari Mohd Zabudin. (2018). Konsep Kesejahteraan Keluarga Menurut Hadith al-Sa'adah. *Asian People Journal (APJ)*. Vol 1, Issue 2, Pg 92-108.
- Zaharah Hussin, Ahmad Arifin Sapar, Saedah Siraj, Mohd Ridhuan Mohd Jamil, Abdul Muqstith Ahmad & Nurulrabihah Mat Noh. (2017). Hidup Berkeluarga Melalui Didikan Amalan Q-Rohani: Satu pendekatan Fuzzy Delphi. *Jurnal al-Hikmah*. Vol 9(2) 2017: 16-31
- Zaynab 'Abd Salâm. (2008). *'Inayah al-Qurân biHukûk al-Insân*. Jilid 1. Qâherah : Dâr al-Hadîth.
- Zulkifli Bakri. (2018). Mengenalpasti Konsep Dan Indikator Keluarga Sejahtera Dari Penderaan Seksual Kanak-Kanak. Temubual Mufti. Putrajaya